

1 Jun 2010 (Selasa)

Ekonomi - Dana Hijau RM1.5b gagal?



Zamani Abdul Ghani (tengah) menyerahkan anugerah pendokong utama PKS kepada Abdul Wahid Omar, sambil diperhatikan oleh Wan Azhar Wan Ahmad di Subang, semalam.

SUBANG 1 Jun - Skim Pembiayaan Teknologi Hijau yang dilancarkan pada Januari lalu, dengan peruntukan dana sebanyak RM1.5 bilion masih gagal menarik minat para peminjam untuk mendapatkan geran dari tabung berkenaan. Pengerusi Credit Guarantee Corporation (CGC), Datuk Zamani Abdul Ghani berkata, sehingga hari ini, CGC hanya meluluskan pinjaman kurang RM50 juta, jauh daripada apa yang ditetapkan oleh kerajaan dalam usahanya menggalakkan lebih ramai usahawan mencebur ke bidang baru ini. Beliau percaya sambutan yang tidak menggalakkan terhadap dana itu disebabkan oleh kurang kesedaran di kalangan usahawan tentang potensi sebenar sektor baru ini. Kesedaran perlu dipertingkatkan kerana sektor industri hijau merupakan antara pemacu kepada pertumbuhan ekonomi negara di masa depan, kata Zamani lagi.

Beliau berkata demikian pada majlis penyampaian Anugerah Pendokong Utama Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Terbaik kali ke-15 di sini hari ini. Turut hadir, Pengarah Urusan CGC Datuk Wan Azhar Wan Ahmad. Di majlis itu, Maybank dianugerahkan rakan kewangan terbaik manakala bagi kategori bank-bank komersial diberi kepada Maybank, Public Bank, RHB Bank dan CIMB. Bagi kategori Bank Islam anugerah diberi kepada Bank Islam. Kesemua anugerah itu diterima oleh peneraju bank-bank masing-masing iaitu Pengarah Urusan Bank Islam, Datuk Seri Zukri Samat, Timbalan Presiden Eksekutif Perbankan Perniagaan CIMB Bank P. Manoharan, Ketua Pegawai Eksekutif Maybank, Datuk Seri Abdul Wahid Omar, Pengarah Urusan Public Bank, Tan Sri Tay Ah Lek dan Pengarah Perbankan Perniagaan RHB Bank Amy Ooi Swee Lian.

Menurut Zamani, bagi menggalakkan pertumbuhan pengeluaran pinjaman di bawah sektor baru itu, CGC sedang dan telah merangka beberapa inisiatif untuk mempromosi lebih lanjut dengan mengadakan kerjasama strategik melalui bank-bank, kempen-kempen pengiklanan serta penyertaan di forum-forum pemasaran. Melalui usaha sebegini katanya, CGC yakin untuk meningkatkan kesedaran skim pembiayaan itu di kalangan pengguna dan pembekal teknologi hijau dan membantu mengagihkan dana kepada peringkat sasaran. Dalam ucapannya Zamani yang juga Timbalan Gabenor Bank Negara juga menggesa institusi-institusi kewangan yang mengagihkan banyak pinjaman kepada IKS memastikannya tidak menjadi hutang lapuk. Ini kerana katanya, peningkatan pinjaman tidak berbayar di kalangan IKS dilihat begitu tinggi walaupun pada peringkat awal kelulusan pinjaman mereka melalui pelbagai proses yang cukup ketat. "Kualiti peminjam harus diberi perhatian oleh bank-bank supaya tidak timbulnya hutang lapuk selain meminta mereka proaktif dan memberi perhatian terhadap pinjaman tidak berbayar ini," katanya. Sepanjang tahun lalu, sebanyak 14,000 Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) telah diberi jaminan CGC bernilai RM3.1 bilion dan berharap jumlah itu dapat ditingkatkan menerusi pinjaman yang berkualiti sebagai langkah pembiayaan jangka panjang.

1 Jun 2010 (Selasa)

MB kecewa bumbung dewan bedah Hospital Setiu masih bocor

KUALA TERENGGANU 1 Jun - Isu bumbung dewan bedah Hospital Setiu yang bocor walaupun hospital itu mula digunakan tujuh tahun lalu, kini masih menjadi tanda tanya dan masalah itu sekali lagi mengundang kemarahan Menteri Besar, Datuk Ahmad Said. Ahmad yang tidak berpuas hati dengan masalah itu hairan dengan pihak bertanggungjawab yang masih gagal mengambil sebarang tindakan bagi memperbaiki kerosakan tersebut. Beliau tidak dapat menerima alasan, pihak terbabit gagal membaik pulih bumbung berkenaan walaupun sesudah tujuh tahun hospital yang berharga RM65.8 juta itu siap untuk digunakan. Menurutnya, kebiasaannya projek seperti itu mengambil masa tiga setengah tahun untuk siap termasuk pembinaan Jambatan Pulau Pinang, tetapi kebocoran bumbung dewan bedah Hospital Setiu masih dipandang mudah walaupun selepas tujuh tahun siap. "Dalam tempoh tujuh tahun, kalau buat projek lain, dah berapa projek boleh siap. Jambatan Pulau Pinang ambil masa tiga setengah tahun (siap). Ini satu saja dewan bedah, dah tujuh tahun tak boleh siap. "Memalukan, saya tak tahu nak letak muka dekat mana," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan majlis penyerahan E-book dan Bantuan Pakaian Sekolah di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Manir di Kampung Pulau Bahagia di sini hari ini. Ahmad mengulas isu bumbung dewan bedah Hospital Setiu yang sehingga kini masih belum dibaiki walaupun beliau beberapa kali membangkitkan mengenainya demi kepentingan orang ramai khususnya pesakit. Minggu lalu, beliau membangkitkan isu berkenaan selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Kerajaan Negeri dan masalah serupa pernah beliau bangkitkan pada Januari lalu. Akibat kebocoran itu, pembedahan pesakit terpaksa dilakukan di hospital lain seperti di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Hospital Besut dan hospital di Kelantan. Menteri Besar berkata, beliau dimaklumkan bahawa kementerian berkenaan akan mengeluarkan peruntukan tambahan RM400,000. "Namun sehingga sekarang belum ada sebarang tindakan dilakukan untuk membaik pulih kerosakan bumbung dewan bedah itu," katanya kesal. Beliau turut tertanya-tanya dengan sikap Jabatan Kerja Raya (JKR) yang masih belum mengambil tindakan sewajarnya mengenai masalah itu.

1 Jun 2010 (Selasa)

MB marah Bukit Miku diceroboh

Oleh AINOL AMRIZ ISMAIL dan SHAMARUDDIN SAIDIN pengarang@utusan.com.my

KUALA PILAH 1 Jun - Hutan Simpan Johol di Bukit Miku dekat sini sudah diceroboh! Kali ini ia mengejutkan apabila ada pihak yang cuba menjadikannya tempat penempatan baru perkampungan Orang Asli. Kawasan yang terletak di Bukit Miku, antara sempadan Rembau dan Kuala Pilah itu, kini sudah pun gondol, manakala kayu yang berharga sudah habis dibakar angkara sikap tamak sesetengah pihak. Pemandangan yang menyakitkan mata itu dibongkar Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan di Wisma Negeri, Seremban selepas beliau melalui kawasan itu baru-baru ini. "Saya terkejut dan marah apabila melalui jalan ini, mengapa Hutan Simpan Johol diceroboh. Pokok ditebang dan dibakar. Lereng bukit semuanya sudah gondol. "Saya tidak mahu dengar apa alasan. Sesiapa pun yang melakukannya, sama ada dikaitkan dengan Orang Asli, saya mahu mereka dibawa ke pengadilan.

"Sila pastikan, jangan ada pula Orang Asli, yang sewenang-wenangnya teroka tanah untuk membuat perkampungan. Jangan biarkan mereka bakar hutan sesuka hati," katanya pada sidang akhbar di Wisma Negeri di sini hari ini. Mohamad mahu Jabatan Perhutanan negeri dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli negeri segera memantau perkembangan terbaru ini serta melihat siapa yang menjadi dalang dalam perbuatan tersebut. "Banyak dalang yang terlibat dengan pencerobohan hutan ini demi kepentingan mereka. "Kita tidak pernah membenarkan hutan diteroka sesuka hati, kecuali yang telah mendapat keizinan dan kelulusan kerajaan negeri. Dalam konteks di Bukit Miku ini, ada satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab," tegasnya.

Berikutan itu, *Utusan Malaysia* membuat tinjauan di kawasan berkenaan hari ini dan mendapati apa yang dinyatakan oleh Mohamad benar berlaku dan sudah terdapat tiga pondok dibina, di percaya dibuat oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Ketika gambar dirakamkan, kedengaran jeritan daripada lokasi pencerobohan yang berkemungkinan daripada individu yang tidak senang dengan kehadiran *Utusan Malaysia* di situ. Kesan pokok yang sudah dibakar masih jelas di kawasan ceroboh Hutan Simpan Johol ini dan sehingga kini, kerja 'pembersihan' masih giat dilakukan di situ. Di kawasan sama juga, terdapat projek yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri bagi tanaman pokok kelapa sawit atau getah membabitkan 138 orang di Bukit Miku. "Ambil tindakan segera. Usah tunggu lagi kerana hutan ini sudah diceroboh tanpa kebenaran," kata Mohamad lagi.

1 Jun 2010 (Selasa)

Jabatan Perhutanan akan bertindak tegas

KUALA PILAH 1 Jun - Pengarah Jabatan Perhutanan negeri, Roslan Ariffin hari ini mengesahkan berlakunya pencerobohan Hutan Simpan Johol dan Hutan Simpan Tampin sejak kebelakangan ini. Katanya, jabatan berkenaan telah memantau serta mengambil tindakan ke atas individu terbabit khususnya pencerobohan di Hutan Simpan Tampin. Bagaimanapun pencerobohan di Hutan Simpan Johol iaitu di Bukit Miku, dekat sempadan Rembau dan Kuala Pilah dekat sini sedang dipantau dan tindakan akan dibuat serta merta. "Kawasan yang dimaksudkan adalah di dua lokasi iaitu di kompartmen sembilan, Hutan Simpan Johol dan di kompartmen 22 dan 23 Hutan Simpan Tampin. "Bagi pencerobohan di Hutan Simpan Tampin, kita telah menahan seramai enam orang di Batu Maloi kerana menceroboh serta membakar kawasan hutan berkenaan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Katanya, di Bukit Miku dekat sini pula, sehingga hari ini belum ada penahanan dibuat dan tindakan akan dilakukan segera ke atas mereka yang tidak bertanggungjawab itu. "Penahanan enam individu di Batu Maloi telah dibuat pada awal Mei lalu dan kertas siasatan sedang dilengkapkan untuk kita rujuk kepada Penasihat Undang-Undang bagi tindakan yang perlu dikenakan ke atas mereka. "Kita juga akan pastikan mereka yang terlibat di Bukit Miku, dekat Rembau ini disiasat bagi mengenal pasti punca mereka menceroboh Hutan Simpan Johol dan tujuan membuka penempatan baru Orang Asli di situ," katanya. Dalam pada itu, seorang peniaga yang enggan namanya disiarkan berkata, pencerobohan hutan berkenaan telah berlaku sejak awal tahun lalu. "Ada juga masyarakat Orang Asli merungut berikutan pencerobohan hutan berkenaan kerana banyak hasil hutan telah 'diragut' mereka yang tidak bertanggungjawab. "Penduduk sudah memaklumkan mengenai perkara itu kepada beberapa pihak. Kami harap, pencerobohan ini dihentikan segera," katanya.

Hutan yang diceroboh itu boleh dilihat dengan jelas jika memandu kenderaan dari Rembau mengikut Jalan Inas-Johol di sebelah kanan Bukit Miku dekat sini. Sementara itu Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Johol, Datuk Roslan Md. Yusuf berkata, pihaknya kesal kerana tindakan lewat dibuat sehingga Hutan Simpan Johol diceroboh. "Saya menyerahkan tindakan ini kepada pihak berkuasa dan harap ia dapat dibuat segera." Katanya, orang ramai jangan terkeliru dengan tanah yang telah mendapat keizinan oleh kerajaan negeri untuk dibangunkan bagi projek tanaman semula kelapa sawit dan getah. "Segelintir sahaja masyarakat Orang Asli terlibat dengan pencerobohan ini dan ada juga di kalangan Orang Asli yang tidak bersetuju dengan apa yang dilakukan itu," katanya.

1 Jun 2010 (Selasa)

Sime Darby, Pos Malaysia diminta perjelas kerugian kepada Parlimen

KUALA LUMPUR 1 Jun - Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) akan memanggil pihak pengurusan Sime Darby Sdn. Bhd. dan Pos Malaysia Bhd. bagi memberi penjelasan berhubung kerugian kedua-dua syarikat itu. Pengerusinya Datuk Seri Mohamed Azmi Khalid berkata, kedua-dua syarikat berkaitan kerajaan (GLC) itu dijangka dipanggil pada minggu kedua persidangan Parlimen yang akan bermula 7 Jun ini. "Kita buat keputusan untuk panggil kedua-dua syarikat ini memandangkan isu ini mempunyai kepentingan awam. "Kita tidak tahu apa sebenarnya yang berlaku dalam kedua-dua syarikat ini, tetapi memandangkan ia kes berprofil tinggi dan mendapat liputan meluas oleh media, jadi kita perlu panggil mereka untuk beri penjelasan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat PAC di Bangunan Parlimen di sini hari ini.

Sime Darby dilaporkan mengalami kerugian lebih RM1.6 bilion akibat daripada lebihan kos dalam projek kendaliannya, dan berikutan itu, Datuk Seri Ahmad Zubir Murshid, yang kontraknya sebagai Ketua Eksekutif Kumpulan sepatutnya berakhir pada 26 November ini, telah diminta bercuti. Pos Malaysia pula dilaporkan mengalami kerugian RM227 juta sejak beberapa tahun lalu. Azmi tidak menolak kemungkinan akan memanggil pengurusan Khazanah Nasional Berhad berdasarkan penglibatannya dengan Pos Malaysia. Ditanya sama ada PAC bersetuju tindakan Sime Darby mengarahkan Ahmad Zubir supaya bercuti, Azmi berkata: "Itu bukan urusan kami. Kami belum merumuskan apa-apa, kami hanya ingin tahu fakta dan apa yang sedang berlaku dalam syarikat itu."

Azmi juga berkata, jawatankuasa itu hampir selesai menyiapkan laporan berhubung projek landasan berkembar elektrik kereta api antara Rawang dan Ipoh yang menelan belanja hampir RM1.43 bilion, iaitu 32.9 peratus lebih tinggi daripada nilai kontrak asal. Ia juga hampir menyiapkan laporan mengenai Syarikat Prasarana Negara Bhd. (SPNB) berhubung prosedur pelupusan aset oleh syarikat tersebut termasuk rancangannya untuk melupuskan 1,139 unit badan bas yang tersadai di depot bas di Serendah dan Sungai Buaya.

1 Jun 2010 (Selasa)

Bisnes - Konsesi ke Kabinet hari ini

KUALA LUMPUR 1 Jun - Asas Serba Sdn. Bhd. (Asas Serba) menafikan spekulasi kononnya cadangan pengambilan alih 23 konsesi oleh syarikat itu bakal dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet, esok. Pengarah Asas Serba, Ibrahim Bidin yang terkejut ketika ditanya tentang perkara itu, berkata, beliau tidak tahu menahu mengenainya kerana setakat ini pihaknya belum mendapat sebarang maklum balas daripada Pejabat Perdana Menteri. "Sejak kami mengemukakan cadangan tersebut (pembelian konsesi lebuh raya) sehingga sekarang tiada apa-apa yang baru berlaku. "Sebenarnya tiada perkembangan terbaru," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini. Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai laporan kononnya Kabinet akan membincangkan mengenai kertas cadangan oleh Asas Serba. Asas Serba, sebuah syarikat khas yang ditubuhkan untuk membeli kesemua 23 syarikat konsesi tol dengan harga RM50 bilion.

Cadangan itu dikemukakan selepas kerajaan menganrahkan satu kajian berhubung kenaikan kadar tol dikaji pada tahun lalu. Asas Serba dalam cadangannya menganggarkan pembelian itu mampu memberi penjimatan kepada kerajaan sebanyak RM114 bilion sehingga 2038. Malah, Asas Serba turut menawarkan potongan sebanyak 20 peratus bagi kadar tol, di samping tiada kenaikan tol namun tidak menolak kemungkinan tempoh konsesi tol terpaksa dilanjutkan. Bagaimanapun, baru-baru ini, Pemandu mencadangkan kenaikan kadar tol dilaksanakan untuk setiap perjanjian konsesi bagi membantu mengurangkan perbelanjaan kerajaan dan hutang negara. Kenaikan kadar tol itu akan memberi penjimatan sebanyak RM3.75 bilion kepada kerajaan dalam tempoh lima tahun akan datang. Bagaimanapun, kenaikan itu hanya membabitkan lebuh raya yang mempunyai laluan alternatif sahaja.

Sementara itu, Pengurusinya, Datuk Syed Amin Aljefri pula secara sinis berkata, kerajaan sebenarnya telah menolak cadangan Asas Serba. Ini berikutan cadangan kenaikan kadar tol oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) yang diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala, baru-baru ini. "Kenyataan itu sudah cukup menggambarkan bahawa kerajaan menolak cadangan pembelian 23 konsesi tol oleh Asas Serba," tambahnya. Sehubungan itu, tidak timbul isu mengenai perbincangan Asas Serba dalam mesyuarat Kabinet esok. 'Berikutan itu, saya tidak mahu mengulas sebarang spekulasi tersebut membabitkan isu tersebut apatah lagi ia membabitkan Kabinet," ujarnya. Usaha Asas Serba untuk memiliki 23 konsesi tol sebelum ini menimbulkan pelbagai reaksi negatif di kalangan penganalisis tempatan, yang menyifatkan ia satu cadangan yang sukar difahami dan jumlah yang cukup besar turut menjadi penghalang utama

9 Jun 2010 (Rabu)

62 kes hilang senjata api PDRM

KUALA LUMPUR 9 Jun - Sebanyak 62 kes kehilangan senjata api milik Polis Diraja Malaysia (PDRM) dilaporkan berlaku sejak tahun 2001. Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, jumlah itu melibatkan kehilangan 36 pucuk pistol semi automatik, 51 revolver dan dua sub mesingan (SMG). "Bagaimanapun, 28 unit senjata iaitu empat pucuk pistol semi automatik dan 24 revolver telah dijumpai semula," katanya dalam jawapan bertulis bagi menjawab pertanyaan Tian Chua (PKR-Batu) pada sidang Dewan Rakyat hari ini.

Tian Chua ingin mengetahui mengenai jumlah kehilangan peralatan logistik milik PDRM. Hishammuddin berkata, selain senjata, terdapat 58 kes kehilangan kenderaan milik PDRM yang melibatkan 49 motosikal, tiga kereta, masing-masing sebuah van dan kenderaan pacuan empat roda dilaporkan hilang dalam tempoh sama. Beliau berkata, senjata dan kenderaan merupakan dua kategori logistik PDRM yang sering berhadapan dengan masalah kehilangan. Dalam pada itu, Hishammuddin berkata, kerajaan sentiasa berusaha melengkap dan mempertingkatkan peralatan logistik PDRM dalam usaha menangani jenayah. Beliau berkata, sejak 2005, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM1.59 bilion di bawah Peruntukan Anggaran Belanjawan Pembangunan (ABP) dan sebanyak RM233.59 juta di bawah peruntukan Anggaran Belanjawan Mengurus (ABM).

9 Jun 2010 (Rabu)

Pulangan harta intelek hampir RM10b

Oleh NURUL ANUAR KARI pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 9 Jun - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi menjangka keuntungan daripada pengkomersialan projek berasaskan harta intelek (IP) di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bakal mencecah hampir RM10 bilion. Menterinya, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili berkata, sebanyak RM3.2 bilion diperoleh daripada 294 projek berkaitan IP yang dikomersialkan sehingga 31 Mei lalu dan jumlah itu dijangka meningkat sehingga tiga kali ganda pada penghujung RMK-9. "Kerajaan telah menyalurkan sebanyak RM2.83 bilion daripada 17 jenis dana untuk 4,435 projek yang diluluskan di bawah peruntukan RMK-9. "Sebanyak 1,903 projek telah siap dan mendaftarkan sebanyak 991 IP. Sejumlah kecil IP yang dikomersialkan itu pula membawa pulangan langsung yang begitu lumayan dan melangkaui dana dikeluarkan kerajaan," katanya selepas merasmikan Persidangan Harta Intelek 2010 di sini hari ini.

Persidangan kali ini merupakan kesinambungan daripada siri pertama persidangan yang diadakan pada 2008 bagi membincangkan isu berkaitan hak dan pengkomersialan IP. Menurut Maximus, anggaran pulangan itu juga tidak termasuk hasil pulangan sampingan yang bukan berasaskan wang seperti penambahan bilangan graduan Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah, anugerah yang mengharumkan nama negara ataupun kemasukan mata wang asing melalui pelajar luar negara dan pelancongan. "Pihak kementerian juga menjangkakan hampir 80 peratus daripada semua projek yang diluluskan itu mampu disiapkan, tetapi mungkin melangkau ke RMK-10 memandangkan sesetengah projek mengambil masa yang lebih panjang untuk disiapkan.

"Hasil pulangan lumayan sebilangan kecil projek berkenaan turut menunjukkan pembudayaan inovasi dan kreativiti yang mampu melonjakkan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi sejajar dengan sasaran Model Baru Ekonomi (MBE)," ujarnya. Dalam pada itu, Maximus memberitahu, negara masih kekurangan penyelidik sepenuh masa daripada kumpulan jurutera, saintis dan penyelidik (RSE) yang disasarkan untuk tahun ini. "Kita menyasarkan 60 orang RSE untuk setiap 10,000 tenaga kerja tahun ini tetapi cuma berjaya mencapai sekitar 18 orang RSE bagi jumlah tenaga kerja yang sama. "Sehubungan itu, kita akan menggalakkan institusi pengajian tinggi (IPT) mengeluarkan lebih ramai graduan Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah di bawah RMK-10 untuk memenuhi keperluan penyelidik muda negara kelak," jelasnya.

Katanya, kerajaan juga akan memastikan peluang penyelidikan terbuka luas untuk para graduan terutamanya dengan menyediakan peruntukan bagi sektor berpotensi tinggi seperti bioteknologi. "Sektor bioteknologi mengambil masa yang lebih panjang untuk membawa hasil tetapi potensinya amat besar dan kurang diterokai penyelidik tempatan. "Bagi tujuan itu kementerian menggariskan beberapa dasar untuk menggalakkan persekitaran inovasi penyelidikan melalui perlindungan hak IP, memupuk hubungan antara IPT dan swasta serta memberi insentif kepada firma yang menggunakan teknologi yang dibangunkan,"

10 Jun 2010 (Khamis)

Program dan projek RMK-10 dilaksana secara "rolling plan"

KUALA LUMPUR 10 Jun – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, mulai Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) ini, pelaksanaan program dan projek secara "rolling plan" akan diperkenalkan. Katanya, melalui pendekatan ini, peruntukan program dan projek pembangunan akan dibuat untuk setiap dua tahun bermula dengan 2011-2012. Pendekatan ini, ujar beliau, membolehkan komitmen dibuat berdasarkan keupayaan kewangan semasa kerajaan dan memberi fleksibiliti kepada kerajaan untuk mengambil kira keutamaan baru sesuai dengan perubahan persekitaran ekonomi domestik atau global. Senarai terperinci program dan projek bagi "rolling plan" pertama akan dikeluarkan pada akhir bulan Ogos 2010, tambahnya.

Perdana Menteri berkata demikian semasa membentangkan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) di Dewan Rakyat hari ini. Kata Najib, bagi melaksanakan program pembangunan RMK-10, kerajaan akan menyediakan siling peruntukan sebanyak RM230 bilion bagi perbelanjaan pembangunan. "Untuk tujuan ini, sebanyak 55 peratus akan diagihkan kepada sektor ekonomi, 30 peratus kepada sektor sosial, 10 peratus kepada sektor keselamatan dan 5 peratus kepada sektor pentadbiran am," umum beliau. – Utusan

10 Jun 2010 (Khamis)

Fasa baru perkongsian awam-swasta (PPP) akan dilangsungkan

KUALA LUMPUR 10 Jun – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, perkongsian pintar dan berkesan antara sektor awam dan swasta akan diamalkan sebagai mekanisme penggerak agenda transformasi ekonomi. Beliau berkata, fasa baru perkongsian awam-swasta (PPP) akan dilangsungkan dengan memastikan perkongsian risiko dan pulangan saksama yang berimpak besar. Setakat ini, katanya, 52 projek berimpak tinggi telah dikenal pasti untuk dilaksanakan yang bernilai RM\$63 bilion.

Ini termasuk:

Pertama: Tujuh buah lebuh raya dengan anggaran kos sebanyak RM19 bilion. Projek termasuk Lebuh Raya Pantai Barat, Lebuh Raya Guthrie - Damansara, Lebuh Raya Sungai Juru dan Lebuh Raya Paroi - Senawang - KLIA;

Kedua: Dua buah Projek Loji Jana Kuasa Elektrik Arang Batu dengan anggaran kos sebanyak RM7 bilion; dan

Ketiga: Pembangunan tanah Lembaga Getah Malaysia di Sungai Buloh, Selangor seluas lebih kurang 3,300 ekar dengan anggaran kos sebanyak RM10 bilion.

Perdana Menteri berkata demikian semasa membentangkan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) di Dewan Rakyat hari ini. Beliau berkata, pihak swasta juga akan berpeluang menyertai pembangunan beberapa projek lain yang dipimpin syarikat berkaitan Kerajaan (GLC). Ini termasuk projek-projek, seperti Projek Pembangunan Strategik Kuala Lumpur oleh 1Malaysia Development Berhad (1MDB) meliputi kawasan Lapangan Terbang Sungai Besi, dan KL International Financial District di Kuala Lumpur, pembinaan Loji Regasification Gas Asli Cecair (LNG) oleh Petronas di Melaka dengan anggaran kos RM3 bilion serta pelaburan dua relau pelebur aluminium di SCORE Sarawak berjumlah RM18 bilion. Katanya lagi, bagi memudahkan sektor swasta membiayai projek-projek ini, dana berjumlah RM20 bilion akan disediakan melalui Dana Mudah Cara atau “Facilitation Fund”.

Dana ini bertujuan membantu merapatkan jurang daya maju pelaburan swasta dalam melaksanakan projek bernilai tinggi dan mempunyai kesan limpahan ekonomi besar, dengan syarat projek tersebut mempunyai impak strategik tinggi dalam pembangunan ekonomi negara, tambah beliau. Najib berkata, melalui dana ini, adalah dijangkakan kerajaan dapat menarik pelaburan swasta berjumlah sekurang-kurangnya RM200 bilion dalam tempoh RMK-10. Projek yang sedang dipertimbangkan untuk dibiayai di bawah Dana ini termasuklah Penambakan Tanah di Westport, Pelabuhan Kelang; Pembangunan Malaysia Truly Asia Centre di Kuala Lumpur; dan Taman Teknologi Tinggi Senai di Iskandar Malaysia, Johor. – Utusan

11 Jun 2010 (Jumaat)

Laporan Khas - Peranan GLC lebih penting



Glc tidak lagi mendapat layanan istimewa kerajaan dalam rmk-10.

PENSWASTAAN syarikat di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan iaitu Percetakan Nasional Bhd., CTRM Aero Composite, Nine Bio Sdn. Bhd. dan Inno Bio Sdn. Bhd. akan selesai dalam tempoh RMK-10. Kerajaan akan melupuskan saham miliknya untuk memastikan aset dipegang secara meluas dan inisiatif pelupusan serta penswastaan tidak memberi kesan negatif

kepada kepentingan awam. Peranan GLC juga akan dirasionalisasikan untuk memberi tumpuan kepada bidang yang membantu merancakkan sektor swasta. GLC turut mengurangkan penglibatan dalam bidang yang tidak meningkatkan nilai dan aset bukan teras miliknya akan dilupuskan secara berperingkat. Bagaimanapun, GLC akan terus menjadi pemangkin dalam bidang pertumbuhan baru yang kurang atau tidak langsung diceburi oleh sektor swasta. Ia bakal melabur bersama sektor swasta untuk meneroka pasaran baru dan memastikan syarikat Malaysia mencapai kejayaan lebih besar di peringkat global. Pada masa sama, kerajaan akan memastikan persaingan seimbang antara GLC dan sektor swasta tanpa sebarang layanan istimewa.

11 Jun 2010 (Jumaat)

Laporan Khas -Kurikulum baharu tahun depan

DALAM tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh, (RMK-10) kurikulum baharu untuk sekolah rendah dan menengah akan diperkenalkan. Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah akan diganti dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah tahun depan diikuti dengan kurikulum baharu untuk sekolah menengah. Kurikulum berbentuk modular itu akan memberi peluang kepada semua pelajar melalui proses pembelajaran mengikut kemampuan sendiri. Ia juga memupuk sikap bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri menerusi aktiviti eksplorasi yang boleh menyerlahkan potensi mereka. Kurikulum itu akan menekankan kreativiti, inovasi dan keusahawanan merentasi semua mata pelajaran. Sebagai usaha membentuk pelajar seimbang dari segi akademik dan kesukanan, kurikulum baharu akan menjadikan Sukan sebagai subjek mata pelajaran mulai tahun depan. Sehubungan, peruntukan untuk geran sukan bagi setiap pelajar akan dinaikkan dari RM2.40 kepada RM4 bagi sekolah rendah dan RM4 kepada RM6 untuk sekolah menengah.

Di bawah RMK-10, kerajaan akan melaksana pelbagai kaedah perkongsian awam-swasta seperti dalam pengurusan sekolah dan pembiayaan yuran sekolah. Kerajaan juga akan menyediakan insentif kepada pengusaha swasta bagi mempercepatkan penyediaan prasekolah dan membolehkan mereka mendapat geran pembinaan di kawasan kurang membangun di luar bandar. Sektor swasta dijangka membina 488 prasekolah tahun ini, 1,000 tahun depan dan 1,145 tahun 2012. Skim pembiayaan bersama bagi meningkatkan permintaan terhadap pendidikan prasekolah juga akan dilaksana bagi membantu golongan berpendapatan rendah.

Bantuan sehingga RM150 sebulan diberikan kepada mereka untuk pendidikan kanak-kanak berumur 4+ dan 5+ tahun di prasekolah swasta. Dalam tempoh rancangan, umur bagi memulakan persekolahan akan dikurangkan daripada 6+ kepada 5+. Langkah ini selaras dengan amalan negara maju. Sementara itu perkongsian awam-swasta dalam pendidikan asas memberi autonomi kepada pengendali sekolah sebagai tukaran kepada penambahbaikan yang spesifik dalam prestasi pelajar seperti yang dipersebutui dalam kontrak rasmi. Model serupa telah diguna pakai di sekolah persendirian Cina di Malaysia seperti yang diguna pakai oleh Charter School di Amerika Syarikat, Independent School di Sweden serta specialist school dan academy school di United Kingdom.

13 Jun 2010 (Ahad)

Nilai estetika bangunan Parlimen

Oleh HAFIZAHRIL HAMID



BANGUNAN Parlimen Belanda.

BAGI menunjukkan sesebuah negara sebagai berdaulat, berintegriti dan meletakkan nilai yang tinggi kepada perjuangan untuk rakyat maka sebuah sebuah bangunan Parlimen perlu didirikan sebagai asas negara yang percaya kepada keluhuran demokrasi. Kewujudan sebuah bangunan Parlimen bukan sahaja kerana ia melakar peristiwa dan sejarah penting untuk sesuatu bangsa dan negara malah ia memberi kesan secara terus kepada perkembangan dan masa depan rakyat itu sendiri. Setiap polisi dan undang-undang yang digubal

bakal menentukan masa depan dan kedudukan masyarakat dan negara dan semua ini berlaku di sebuah bangunan Parlimen yang menghimpunkan wakil-wakil rakyat yang dipilih untuk berkhidmat kepada rakyat. Melihat kepada contoh yang berlaku di negara ini bangunan Parlimen telah memberi kesan yang sangat penting dalam interaksi, formulasi dan perkembangan politik tanah air. Ini kerana Parlimen telah memainkan peranan membentuk mekanisme yang lebih demokratik melalui "*check and balance*".

Namun berita mengenai cadangan kerajaan sedang mempertimbangkan untuk membina bangunan baru Parlimen di Putrajaya baru-baru ini dilihat oleh banyak pihak sebagai agak mengejutkan. Cadangan tersebut yang dikatakan sebagai memenuhi keperluan pada masa depan sudahpun dibawa ke Kabinet untuk perbincangan lanjut. Bangunan yang dikatakan bernilai RM800 juta itu bakal menggantikan bangunan sedia ada yang akan dibaik pulih dan dicadangkan untuk kekal sebagai bangunan warisan. Bangunan Parlimen Malaysia yang tersergam indah di ibu negara merupakan simbol demokrasi berparlimen. Perdana Menteri Malaysia yang **pertama**, Tunku Abdul Rahman telah bersetuju dengan cadangan pembinaan bangunan Parlimen pada Disember 1959. Kerja-kerja pembinaan disiapkan pada September 1962, dan perasmian bangunan Parlimen yang baru dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong yang ketiga, Tuanku Syed Putra ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail, pada 21 November 1963. Kos perbelanjaan pembinaan bangunan ini berjumlah RM18 juta. Kompleks bangunan Parlimen ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu sebuah bangunan utama 3 tingkat dan sebuah menara setinggi 17 tingkat.

Bangunan utama 3 tingkat ini menempatkan dua buah dewan utama iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara manakala sebuah menara setinggi 17 tingkat pula menempatkan pejabat pentadbiran, pejabat Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Yang di-Pertua Dewan Negara. Jika diperhatikan bangunan Parlimen di kebanyakan negara di dunia masih lagi berdiri kukuh sebagai bangunan yang masih terus memperjuangkan matlamat asalnya tanpa perlu ditukar ganti. Lihat sahaja bangunan Parlimen di Britain yang turut dikenali sebagai *Palace of Westminster* yang menjadi tempat pertemuan kepada ahli *House of Lords* dan *House of Commons*. Bangunan tersebut yang terletak di tebing sungai Thames merupakan kediaman rasmi Raja England sebelum kebakaran yang berlaku pada 1512 memusnahkan hampir keseluruhan kompleks berkenaan. Bangunan berkenaan yang dibina pada kurun ke 11, telah menempatkan Ahli Parlimen mereka untuk bersidang sejak kurun ke 13 selain turut menempatkan Mahkamah Agung di sekitar kompleks berkenaan. Selepas kebakaran pada tahun 1512, bangunan berkenaan telah dijadikan Rumah Parlimen sepenuhnya sebelum sekali lagi kebakaran lebih besar berlaku pada Oktober 1834. Struktur bangunan yang terselamat dalam kejadian itu adalah *Westminster Hall, Cloisters and Chapter House of St Stephen's, Chapel of St Mary Undercroft* dan *Jewel Tower*.

Kesenian

Bangunan Parlimen Kanada atau turut dikenali sebagai *Parliament Hill* yang memaparkan kesenian gothic dan senibina yang tinggi bukan sahaja menjadi kebanggaan rakyatnya malah turut menjadi tumpuan pelancong dengan tiga juta pelawat berkunjung ke situ berikutan seni binanya yang unik. *Parliament Hill* yang terletak di pinggir sungai Ottawa dalam wilayah Ontario telah dibangunkan bersama dengan bangunan-bangunan kerajaan yang lain pada awal kurun ke-18. Namun akibat dari beberapa pengubahsuaian serta kebakaran yang berlaku pada 1916 yang memusnahkan blok tengah, ia akhirnya siap sepenuhnya pada 1927. Majlis pecah tanah pembinaan bangunan berkenaan telah berlangsung pada 20 Disember 1859, oleh Prince Albert Edward, Prince of Wales yang kemudian menjadi Raja England dikenali sebagai King Edward VII. Projek tersebut merupakan projek paling besar di Amerika Utara. Namun akibat dari masalah kedudukan tanah yang tidak sesuai, projek itu ditangguhkan dan hanya diteruskan pada 1861. Dianggarkan lebih AS\$1.6 juta (RM5.1 juta) dibelanjakan untuk menyiapkan bangunan tersebut.

Blok tengah *Parliament Hill* menempatkan Dewan Senat dan Dewan Rakyat dan di hadapannya pula terletak *Peace Tower* serta Perpustakaan Parlimen. Manakala di blok timur dan barat pula menempatkan pejabat menteri dan Senator selain bilik mesyuarat dan pentadbiran. Rumah Parlimen India atau dikenali sebagai Sansad Bhavan merupakan sebuah bangunan berbentuk bulat yang direka bentuk oleh arkitek dari Britain Sir Edwin Lutyens dan Sir Herbert Baker pada 1912-1913. Pembinaan bermula pada 1921 dan pada 1927 bangunan berkenaan dibuka sebagai dewan untuk menempatkan Ahli Majlis Negara, Dewan Perundangan Pusat dan Dewan Diraja. Majlis pembukaan dilakukan oleh Gabenor Jeneral ke India ketika itu Lord Irwin dengan kos pembinaan sekitar Rs 83 lakhs. Bangunan ini yang penuh dengan ciri-ciri keunikan tradisional India dibina dengan keluasan enam ekar dan turut menempatkan 12 pagar termasuk pagar utama yang dinamakan Sansad Marg. Kini bangunan ini menjadi bangunan Parlimen India yang menempatkan Ahli Parlimen India yang terdiri dari Dewan Rakyat yang juga dikenali sebagai Lok Sabha dan Dewan Negara atau Rajya Sabha selain pejabat Presiden. Begitu juga hakikatnya bila kita melihat kepada bangunan yang menjadi pusat pertemuan Ahli Kongres Amerika Syarikat (AS), Bangunan Capitol yang menjadi mercu tanda kejayaan kuasa besar itu mentadbir dunia. Bangunan ini yang dibina pada September 1793 dengan majlis pecah tanah dilakukan sendiri oleh Presiden ketika itu George Washington. Bangunan berkenaan mula diduduki untuk sesi mesyuarat Kongres yang pertama pada 17 November 1800 walaupun ia belum siap sepenuhnya.

Namun akibat peperangan pada 1812 tentera British bertindak membakar separuh dari bangunan berkenaan. Bangunan Capitol telah melalui beberapa fasa perubahan dan penambahbaikan iaitu pada 1815, 1826, 1850, 1904, 1958 dan 2001. Bangunan ini yang terletak di Washington melibatkan keluasan 274 ekar termasuk beberapa bangunan lain dengan senibina American Neoclassicism. Bangunan ini turut menempatkan perwakilan dari Dewan Senat dan Dewan Perwakilan. Berdasarkan kepada nilai sejarah bangunan Parlimen dalam menyelenggara pembangunan dan kemajuan yang dikehendaki sehingga kini adalah menyediakan untuk menamatkan tempoh perkhidmatannya hanya berlandaskan kehendak dan keperluan semasa. Sedangkan hakikatnya bangunan tersebut masih mampu berfungsi seperti sedia ada tanpa perlu dipindahkan kemana-mana destinasi yang dirasakan perlu. Mungkin ada yang beranggapan bangunan tersebut sudah tidak mampu menampung jumlah kehadiran Ahli Parlimen dan pengunjung yang semakin bertambah bersesuaian dengan keadaan semasa. Namun jika kita melihat kepada kos pembinaan yang agak tinggi selain nilai-nilai sejarah yang telah menyaksikan pelbagai kejayaan yang dikehendaki hingga kini adalah menyediakan jika bangunan yang masih indah tersergam sebagai simbol perjuangan demokrasi sejak selepas kemerdekaan akhirnya hanya terkubur sebagai bangunan warisan yang tidak memainkan apa-apa peranan yang nyata.

14 Jun 2010 (Rabu)

Gabenor BNM perlu dipanggil

KUALA LUMPUR 14 Jun - Kementerian Kewangan digesa memanggil Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menyiasat situasi sebenar yang berlaku dalam isu pengambilalihan ekuiti EON Bank Berhad. Datuk Bung Moktar Radin (BN-Kinabatangan) berkata, perkara yang menimbulkan persoalan ialah mengapa Hong Leong Bank Berhad (HLBB) diberi keistimewaan sedangkan Affin Bank Berhad tidak diberi peluang untuk memulakan rundingan walaupun mereka juga mempunyai kelayakan. Katanya, perkara itu menunjukkan pihak berkuasa bagaimanapun tidak mengambil pengajaran daripada kesilapan melepaskan pegangan ekuiti kerajaan kepada pihak asing sebelum ini. "Saya gesa Kementerian Kewangan menyelidik dan memanggil Gabenor BNM untuk menyiasat perkara yang berlaku dalam pengambilalihan ekuiti EON Bank sehingga sanggup diberikan kepada HLBB. "BNM fikirlah dengan bijak dan Kementerian Kewangan pula ambillah langkah-langkah yang baik, kalau Affin Bank layak dan mahu beli dengan harga yang sama, kenapa dia tidak diberi peluang untuk kembangkan perniagaan, mengapa kita sekat dan berat sebelah kepada HLBB yang merupakan bank milik asing," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu perbahasan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) di Dewan Rakyat hari ini. Semalam, Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Datuk Ibrahim Ali mendedahkan BNM menolak tanpa sebab cadangan Affin Bank untuk memulakan rundingan dengan EON Capital Berhad untuk pengambilalihan EON Bank, namun bersetuju melanjutkan tempoh kepada HLBB meneruskan rundingan. Lebih pelik, kata Ahli Parlimen Pasir Mas itu, HLBB masih mengekalkan tawaran asal yang telah ditolak oleh pemegang saham EON Capital sebelum ini. Perkara itu seolah-olah menafikan peluang Affin Bank yang dimiliki oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) serta mewakili kepentingan kerajaan dan anggota kerajaan. Dalam perkembangan berkaitan, Bung Moktar turut membidas pembangkang kerana menjadi 'batu api' dengan menghasut rakyat dalam isu pemberian subsidi yang dikatakan akan menyebabkan negara muflis dalam tempoh sembilan tahun lagi jika ia diteruskan.

Sepatutnya, kata beliau, semua pihak termasuk pembangkang perlu memainkan peranan untuk memberi penjelasan kepada rakyat bahawa perkara yang diperlukan ialah penilaian semula supaya subsidi hanya dinikmati oleh golongan yang benar-benar layak. "Hanya mereka yang tiada kesetiaan kepada raja dan negara akan memburuk-burukkan negara sendiri," tegasnya. Dalam pada itu, beliau turut mencadangkan supaya pegawai tinggi kerajaan yang telah bersara tidak dilantik sebagai pengurus syarikat milik kerajaan (GLC). Katanya, sebarang kesilapan dalam pentadbiran syarikat berkenaan akan menyebabkan negara dan rakyat merana dan lebih malang lagi jika ia berlaku sewaktu ramai lagi yang layak untuk dilantik ke jawatan berkenaan. "Saya cadangkan kelompok pegawai tinggi kerajaan yang sudah bersara, biarlah dia bersara, jangan disambung lagi dan jangan bagi dia jadi pengurus GLC, berilah kepada orang lain," katanya.

14 Jun 2010 (Rabu)

Kos bina Istana Negara lebih RM800j

KUALA LUMPUR 14 Jun - Kos keseluruhan Istana Negara yang sedang dalam pembinaan di Jalan Duta di ibu negara berjumlah lebih RM800 juta, kata Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng. Katanya, jumlah itu meliputi pembinaan kompleks istana berkenaan yang berharga RM650 juta; pembinaan persimpangan bertingkat menuju ke Istana Negara yang bernilai RM130 juta serta kerja-kerja menaik taraf Jalan Changkat Semantan berjumlah RM32.5 juta. Jelas beliau, jumlah itu berbeza dengan kos pembinaan Istana Negara sebanyak RM400 juta yang diumumkan kerajaan pada 2006. "Istana Negara merupakan mercu tanda dan simbol kebanggaan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan di Malaysia yang mana kemudahannya mestilah melibatkan aspek keselamatan dan ciri-ciri estetika yang khusus. "Sehubungan itu, kerajaan telah menimbaangkan beberapa faktor dan menawarkan projek ini secara rundingan terus kepada tiga syarikat berasingan bagi ketiga-tiga komponen utama Istana Negara," katanya menjawab soalan **Nga Kor Ming (DAP-Taiping)** pada sidang Dewan Rakyat hari ini.

Sementara itu, dalam soalan tambahannya, Kor Ming mempertikaikan peningkatan kos tersebut berbanding pengumuman kerajaan sebelum ini. "Bagaimanakah kos tersebut boleh meningkat 100 peratus dalam masa kurang lima tahun," soalnya. Khoon Seng membalas, pembinaan itu merupakan sesuatu yang istimewa kerana ia merupakan kali pertama kerajaan mendirikan istana buat Yang di-Pertuan Agong bersemayam. Istana Negara kini pada asalnya merupakan kediaman peribadi yang dibeli oleh kerajaan Selangor selepas Perang Dunia Kedua dan kemudiannya dibeli oleh kerajaan Persekutuan pada 1957.